

26/02/1997

Undang-undang siber tunggu kelulusan

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, draf undang-undang siber untuk melindungi industri multimedia di negara ini sudah siap dan dibentangkan untuk kelulusan Parlimen pada sesi bulan depan.

"Ia sudah siap, tetapi kita masih membuat beberapa pembetulan," katanya kepada pemberita selepas rakaman rancangan Bersama Perdana Menteri yang memberi tumpuan kepada Koridor Raya Multimedia (MSC) di Angkasapuri di sini, hari ini.

Rakaman itu disiarkan oleh RTM melalui TV1 jam 8.30 malam esok.

Menurut Perdana Menteri, tiga perkara utama disediakan dalam draf itu iaitu Akta Tandatangan Digital, Akta Intelek dan Akta Jenayah Komputer yang meliputi antara lain kebebasan pelabur masuk ke negara ini.

Menurutnya, kerajaan tidak menyediakan banyak perlindungan pelaburan tetapi memberi pengecualian cukai kepada pelabur yang datang ke negara ini.

Ketika ditanya bila beliau akan membincangkan cadangan undang-undang siber itu dengan pemimpin Asean lain memandangkan ia membabitkan soal merentasi sempadan, Perdana Menteri berkata tarikhnya belum ditetapkan lagi.

Mengenai kerumitan syarikat multimedia membawa masuk pekerja ke negara ini terutama dari India, Dr Mahathir berkata kerajaan hanya memberi kelonggaran kepada kemasukan pekerja mahir.

"Saya harap dengan cara ini mereka mudah mendapat tenaga pekerja dan kita harap mereka membawa masuk pekerja mahir dari luar bagi membolehkan kita belajar daripada mereka," katanya.

Beliau yakin dengan kemudahan terbaik yang disediakan Kerajaan Malaysia, pelabur multimedia akan datang ke negara ini untuk turut menjayakan industri berkenaan. - Bernama

(END)